

**ANALISIS HADITH-HADITH TENTANG DOSA-DOSA BESAR
DALAM KITAB *AL-KABA'IR LI AL-DHAHABI***

Oleh

ABD RAHMAN BIN MAMAT

**Disertasi ini diserahkan
Untuk memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Sastera**

FEBRUARI 2016

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله رب العالمين، نحمده ونستعينه ونستغفره، ونعوذ بالله من شرور أنفسنا وسيئات أعمالنا، من يهده الله فلا مضل له، ومن يضلل فلا هادي له، وأشهد أن لا إله إلا الله وحده لا شريك له، وأشهد أن محمدا عبده ورسوله. والصلاة والسلام على رسول الله وعلى آله وصحبه أجمعين، ومن تبعهم إلى يوم الدين. أما بعد!

Kesyukuran dipanjatkan kepada Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya, disertasi ini dapat diselesaikan bagi memenuhi keperluan Ijazah Sarjana Sastera (Hadith). Disertasi ini bertajuk *Analisis Hadith-Hadith Tentang Dosa-Dosa Besar Dalam Kitab al-Kabā'ir Li al-Dhahabi*.

Sekalung penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada pihak Universiti Sains Malaysia khususnya Bahagian Pengajian Islam, Pusat Ilmu Kemanusiaan atas ruang dan kesempatan yang diberikan untuk menuntut ilmu. Penghargaan yang tidak terhingga diucapkan kepada Penyelia Utama Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Radzi bin Othman, Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Asri bin Zainul Abidin dan Dr. Roshimah binti Shamsudin atas ilmu dan tunjuk ajar yang dicurahkan. Juga ribuan terima kepada Prof. Madya Dr. Jasni Bin Sulong selaku Pengerusi Rancangan Pengajian Islam di atas bantuan dan panduan yang telah diberikan.

Penghargaan khusus buat Ibu tercinta Che Yam Binti Ismail yang sentiasa mendoakan buat diri pengkaji, kepada isteri yang dicintai Haznita Binti Husin, anak-anak yang dikasihi, Nur Hanan Amalin, Nur Atiqah Hanin, Anas 'Aufi, Nur 'Aisyana Amni, Nur Syifa' Hana dan Fahim al-Ameen yang telah banyak memberi sokongan dan dukungan menyuntik semangat dalam menyelesaikan disertasi ini. Akhir sekali buat sahabat-sahabat seperjuangan yang turut memberi sumbangan dalam menyiapkan disertasi ini. Semoga usaha yang dicurahkan diberkati oleh Allah s.w.t dan dikira sebagai amal salih untuk bekalan di akhirat kelak.

SENARAI KANDUNGAN

Pengakuan	ii
Penghargaan	iii
Senarai kandungan	iv
Senarai singkatan	ix
Transliterasi	x
Abstrak	xix
Abstract	xviii

BAB 1 : PENGENALAN

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Permasalahan Kajian	5
1.3 Sorotan Kajian	7
1.4 Skop Kajian	9
1.5 Kepentingan Kajian	11
1.6 Objektif Kajian	11
1.7 Metodologi Kajian	12

BAB 2 : *AL-HADĪTH* DAN KONSEP DOSA-DOSA BESAR

2.0 Pendahuluan	14
2.1 <i>Al-Hadith</i> :	14
2.1.1 Definisi <i>al-Hadith</i> , <i>al-Sanad</i> dan <i>al-Matan</i>	14
2.1.2 Kepentingan <i>Sanad</i> dan <i>Matan</i> kepada <i>Hadith</i>	18
2.1.3 Pandangan ulama tentang kepentingan <i>sanad</i>	19

2.2 Jenis-jenis hadith:

2.2.1	Hadith dari sudut sumber	22
2.2.2	Hadith dari sudut bilangan Perawi	23
2.2.2.2	Hadith <i>Āḥād</i>	31
2.2.3	Hadith dari sudut penerimaan dan penolakan	33
2.2.3.1	<i>al-Hadith al-Sahih</i>	34
2.2.3.2	<i>al-Hadith al-Ḍa'īf</i>	36

2.3 Konsep Dosa :

2.3.1	Definisi Dosa	36
2.3.2	Bahagian-bahagian dosa	39
2.3.3	Pandangan Ulama terhadap pelaku dosa-dosa besar	46
2.3.4	Jenis-jenis dosa-dosa besar	50
2.3.5	Hukuman terhadap pelaku dosa-dosa besar.	56

2.4 Kesimpulan 56

BAB 3 : KETOKOHAN IMAM AL-DHAHABI DAN KITAB *AL-KABĀ'IR*

3.0	Pendahuluan	58
3.1	Latar Belakang al-Dhahabi	58
3.1.1	Nama dan Nasab	58
3.1.2	Rehlah Ilmu al-Dhahabi	59
3.1.3	Guru-guru al-Dhahabi	59
3.1.4	Murid-murid al-Dhahabi	60
3.1.5	Pujian Ulama Terhadap al-Dhahabi	61
3.1.6	Meninggal Dunia	65

3.2 Latar belakang Kitab <i>al-Kabā'ir</i>	63
3.2.1 Kitab <i>al-Kabā'ir</i> yang telah dicetak dan tersebar	64
3.2.2 Keraguan-keraguan <i>al-Kabā'ir</i> yang tersebar	64
3.2.3 Manuskrip-manuskrip <i>al-Kabā'ir</i>	65
3.2.3.1 Bentuk Manuskrip <i>al-Kabā'ir</i>	66
3.2.4 Kesimpulan	67
3.3 Pandangan Ulama terhadap <i>al-Kabā'ir</i>	68
3.4 Antara Karya-karya utama al-Dhahabi	68
3.5 Kesimpulan	69

BAB 4 : ANALISIS HADITH-HADITH DALAM *AL-KABĀ'IR* BERKAITAN DOSA-DOSA BESAR

4.0 Pendahuluan	70
4.1 Hadith pertama.	71
4.2 Hadith kedua.	73
4.3 Hadith ketiga.	75
4.4 Hadith keempat.	77
4.5 Hadith kelima.	77
4.6 Hadith keenam.	80
4.7 Hadith ketujuh.	82
4.8 Hadith delapan.	84
4.9 Hadith kesembilan.	86
4.10 Hadith kesepuluh.	88
4.11 Hadith kesebelas.	90
4.12 Hadith kedua belas.	91
4.13 Hadith ketiga belas.	93

4.14	Hadith keempat belas.	95
4.15	Hadith kelima belas.	97
4.16	Hadith keenam belas.	98
4.17	Hadith ketujuh belas.	101
4.18	Hadith delapan belas.	103
4.19	Hadith kesembilan belas.	103
4.20	Hadith kedua puluh.	106
4.21	Hadith kedua puluh satu.	108
4.22	Hadith kedua puluh dua.	109
4.23	Hadith kedua puluh tiga.	111
4.24	Hadith kedua puluh empat.	113
4.25	Hadith kedua puluh lima.	116
4.26	Hadith kedua puluh enam.	118
4.27	Hadith kedua puluh tujuh.	120
4.28	Hadith kedua puluh lapan.	122
4.29	Hadith kedua puluh sembilan.	124
4.30	Hadith ketiga puluh.	127
4.31	Hadith ketiga puluh satu.	128
4.32	Hadith ketiga puluh dua.	130
4.33	Hadith ketiga puluh tiga.	131
4.34	Hadith ketiga puluh empat.	133
4.35	Hadith ketiga puluh lima.	135
4.36	Hadith ketiga puluh enam.	136
4.37	Hadith ketiga puluh tujuh.	138
4.38	Hadith ketiga puluh lapan.	141
4.39	Hadith ketiga puluh sembilan.	142
4.40	Hadith keempat puluh.	144

4.41	Hadith keempat puluh satu.	145
4.42	Hadith keempat puluh dua.	147
4.2	.Kesimpulan	149

BAB 5: PENUTUP

5.0	Pendahuluan	168
5.1	Hasil kajian	168
5.2	Cadangan dan Saranan	172

BIBLIOGRAFI		174
--------------------	--	-----

SENARAI SINGKATAN

Cet.	- Cetakan
H	- Hijriyyah
w.	- wafat
hlm.	- Halaman
Ibid	- Ibidem(rujukan yang sama berturut-turut)
Jld	- Jilid
M	- Masihi
s.a.w	- Ṣallā Allah ‘Alayh wa sallam
s.w.t.	- Subhanah wa Ta‘ālā
a.s.	- ‘Alayh al-Salām
t.p	- tanpa penerbit
t.t	- tanpa tahun terbitan
t.t.p	- tanpa tempat penerbitan
www	- world wide web
r.a.	- Raḍiya Allah ‘Anhu
r.anha	- Raḍiya Allah ‘Anha
r.h.	- Raḥimahu Allah

SENARAI TRANSLITERASI

Pedoman Ejaan dan Transliterasi¹

Konsonan

Huruf Arab	Nama dan Transkripsi
ا, ء	a, ' (Hamzah)
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	h
خ	Kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	Sy
ص	ṣ
ض	ḍ
ط	ṭ
ظ	ẓ
ع	'
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k
ل	l
م	m
ن	n
ه	h
و	w
ي	y
ة	h

¹ Mohd Yakub @ Zulkifli Hj. Mohd Yusoff *et al.* (2006), *Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi: Akademi Pengajian Islam*, cet. 2. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, hlm. 29 – 38.

Vokal

Vokal pendek	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
ا (Fatĥah)	A	قَتَّ	Qanata
ـِ (Kasrah)	I	سَلِمَ	Salima
ـُ (Dammah)	U	جُعِلَ	ju'ila

Vokal panjang	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
اِيْ / اِيْ	Ā	كُبْرَى / بَابُ	bāb / kubrā
يِ	Ī	وَكَيْلُ	Wakīl
وِ	Ū	سُورَةُ	Sūrah

Diftong

Diftong	Transliterasi	Contoh	Transliterasi
اَوْ	Aw	قَوْلُ	Qawl
اَيِ	Ay	خَيْرٌ	Khayr
اَوْو	Uww	قُوَّةٌ	Quwwah
اَيِ	iy/ī	عَرَبِيٌّ	‘arabiyī

Contoh Penggunaan Pedoman Transliterasi

1. “ا” (*alif*) dan “و” (*wāw*) sebagai vokal tidak perlu digantikan dengan sebarang huruf Rumi. Contoh:

أُولَئِكَ : ulā’ik
 قَالُوا : qālū
 جَعَلُوا : ja‘alū
 إِسْمَعُوا : isma‘ū

2. Tanda (-) mewakili vokal *ā* panjang yang dimansuhkan. Contoh:

إِبْرَاهِيمَ : Ibrāhīm
 مُوسَى : Mūsā
 سُلَيْمَانَ : Sulaymān

عيسى : 'Īsā

3. “ا” (*alif*) jika digunakan sebagai vokal panjang ditransliterasikan sebagai *ā*.

Contoh:

قال : qal

رضا : riḍā

قارى : qārī

4. Huruf “و” (*wāw*) yang ditransliterasikan sama ada di awal kata, di tengah kata, atau di akhir kata ditulis sebagai berikut. Contoh:

Di awal

ويل : wayl

وقف : waqf

Di tengah

حول : ḥawl

سوف : sawf

عوض : 'iwaḍ

Di akhir

دلو : dalw

لو : law

5. Huruf “و” (*wāw*) yang berfungsi sebagai vokal panjang ditransliterasikan sebagai *ū* Contoh:

صورة : ṣūrah

سورة : sūrah

وقوف : wuqūf

ذو : dhū

كلوا : kulū

6. Huruf “و” (*wāw*) yang berfungsi sebagai diftong ditransliterasikan sebagai *aw*.

Contoh:

أولى : awla
أوحى : awḥā
أوج : awj
خوف : khawf
نوم : nawm

7. Huruf “ي” (yā) ditransliterasikan sebagai y. Contoh:

يوم : yawm
يحيى : yaḥyā
ويل : wayl
عين : ‘ayn
وحى : waḥy
قصي :
quṣay

8. Huruf “ي” (yā) yang mewakili vokal panjang ditransliterasikan sebagai ī. Contoh:

إيمان : Īmān
إلاء : Ilā’
قيل : qīl
في : fī

9. Huruf “ي” (yā) yang merupakan sebahagian daripada diftong ditransliterasikan sebagai ay. Contoh:

أينما : aynamā
قيوم : qayyūm
عيني : ‘aynay
نأي : nāy

10. “ى” (alif maqṣūrah) yang berfungsi sebagai vokal panjang ditransliterasikan sebagai ā. Contoh:

عيسى : 'Isā
 صغرى : ṣughra
 مأوى : ma'wā

11. “ء” [HAMZAH]

“ء” (*hamzah*) yang terdapat di awal kata sama ada berbunyi [a], [i], [u] ditransliterasikan mengikut bunyi. Contoh:

أبرار : abrār
 إِنَّ : inna
 أُمِرْتُ : umirtu
 أَنَسَ : uns

12. “ء” (*hamzah*) yang mati atau hidup yang terletak di belakang konsonan atau diftong pada sesuatu kata dilambangkan sebagai koma atas (').

المسألة : al-mas'alāh
 الرأي : al-ra'y
 كبائر : kabā'ir
 ملاء : mala'
 خطيء : khaṭi'

13. “آ” [MADDAH]

“ آ ” (*alif maddah*) yang terdapat pada awal atau di tengah kata hendaklah ditransliterasikan sebagai *ā*. Contoh:

القرآن : al-qur'ān
 مآباً : ma'ābā
 آمين : Āminin

14. “ّ” [SHADDAH ATAU TASYDID]

“ ّ ” (*shaddah*) di atas huruf “ و ” (*wāw*) yang terletak di belakang konsonan *fatḥah* dan mewakili diftong serta konsonan hendaklah ditransliterasikan sebagai *aww*.

Contoh:

تَوَّاب : tawwāb

صَوَّر : ṣawwar

15. “ ّ ” (*shaddah*) di atas huruf “ و ” (*wāw*) yang terletak di belakang konsonan “ ُ ” (*Dammah*) dan sebagai vokal panjang dan konsonan, maka hendaklah ditransliterasikan sebagai *ww*. Contoh:

قَوَّة : quwwah

16. “ ّ ” (*shaddah*) di atas huruf “ ي ” (*yā*) yang terletak di belakang huruf konsonan “ ِ ” (*kasrah*) di tengah kata yang merupakan gabungan vokal panjang dan konsonan, “ يّ ” ditransliterasikan sebagai *yy*. Contoh:

العراقية : al-‘irāqiyyah

السعودية : al-su‘udiyyah

17. “ ّ ” (*shaddah*) di atas huruf “ ي ” (*yā*) yang terletak di belakang huruf konsonan “ ِ ” (*kasrah*) di akhir kata ditransliterasikan sebagai *iy/ī*. Contoh:

العربي : al-‘arabiy/ī

النبي : al-nabiy/ī

18. “ ّ ” (*shaddah*) di atas huruf “ ي ” (*yā*) yang terletak di belakang konsonan atau vokal “ ُ ” (*fatḥah*) yang berfungsi sebagai diftong dan konsonan, hendaklah ditransliterasikan sebagai *ayy*. Contoh:

سَيِّدَة : sayyidah

أَيَّام : ayyām

حَيّ : ḥayy

غَيّ : ghayy

19. “ ّ ” (*shaddah*) di atas huruf yang menunjukkan penggandaan. Contoh:

رَبَّنَا : rabbanā

إِنَّا : innā
 ثُمَّ : thummā
 كَشَّاف : kashshāf

20. “ال” (*alif lām*) ditransliterasikan sebagai *al* yang dihubungkan dengan kata berikutnya dengan menggunakan tanda sempang (-). Contoh:

الفتوحات المكيّة : al-futuhāt al-makkiyyah
 الإمتحان : al-imtiḥān
 الأصل : al-aṣl

21. HURUF BESAR

Dalam sistem penulisan transliterasi yang menggunakan huruf besar disesuaikan menurut *Pedoman Umum Ejaan Bahasa Malaysia*, kecuali bagi kes *al*. Contoh:

سَيِّدَنَا مُحَمَّد : Sayyidunā Muḥammad
 أَبُو بَكْرٍ الصِّدِّيق : Abū Bakr al-Ṣiddīq
 أَبُو الْحَسَنِ : Abū al-Ḥasan
 النَّدَوِيُّ : al-Nadawī

Catatan:²

1. Bagi akhir perkataan yang ditulis dengan “ة” (*ta’ marbūṭah*) dieja mengikut sebutan “ه”.
2. Tanwin dieja tidak mengikut sebutan tetapi mengikut tulisan. Contoh:

سُرْعَة : sur‘ah
 سَاعَة : sā‘ah
 قُوَّة : quwwah

3. *Alif Lām* ditransliterasikan sebagai *al* (sama ada bagi *Lām Shamsiyyah* atau *Qamariyyah*) yang dihubungkan dengan kata berikutnya dengan tanda sempang,

² Ibid., hlm. 29.

“a” dalam “a/” tidak menerima hukum huruf besar menurut pedoman umum ejaan Bahasa Malaysia. Sebaliknya hukum huruf besar terpakai kepada huruf pertama kata berikutnya.

4. Istilah sesuatu perkataan yang berasal daripada perkataan bahasa Arab tetapi telah menjadi sebutan umum bahasa Malaysia adalah dieja mengikut perkataan bahasa Malaysia. Semua perkataan Arab/Inggeris (bahasa asing) hendaklah di*italic*kan kecuali nama khas.

ANALISIS HADITH-HADITH TENTANG DOSA-DOSA BESAR DALAM *KITĀB AL-KABĀ'IR LI AL-DAHAHABI*

ABSTRAK

Kajian ini merupakan penyelidikan terhadap hadith-hadith tentang dosa-dosa besar yang terkandung di dalam kitab *al-Kabā'ir*. Tersebarnya dua versi kitab yang berbeza, terdapatnya hadith-hadith yang *ḍa'īf* dan juga palsu di dalam kandungan *al-Kabā'ir* menimbulkan kekeliruan di kalangan umat Islam. Maka kajian ini dilakukan bagi memberi pendedahan agar menghilangkan kekeliruan yang berlaku. Kitab ini dipilih bersesuaian dengan penggunaannya secara meluas di kalangan umat Islam, ia dijadikan sumber pengajaran di masjid-masjid dan juga surau. Di samping itu juga kajian ini adalah bagi mengenal pasti ketokohan al-Dhahabi di dalam ilmu hadith, berdasarkan bukti-bukti yang telah dijelaskan di dalam kajian ini. Enam Topik utama yang menjadi sumber kajian ini ialah hadith-hadith berkaitan dosa-dosa besar, iaitu dosa syirik, dosa membunuh, dosa sihir, dosa meninggalkan solat lima waktu, dosa tidak mengeluarkan zakat dan dosa menderhakai kedua ibu bapa. Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah penyelidikan kualitatif. Sehubungan dengan itu, Metode pengumpulan data dilakukan melalui kaedah kajian kepustakaan. Analisis data pula dilakukan dengan cara induktif dan deduktif. Sejumlah 42 hadith yang telah dibuat kajian di dalam penyelidikan ini. Hasil kajian mendapati 24 hadith adalah sahih dari sudut *sanad* dan juga *matan*. Manakala terdapat 14 hadith adalah *ḥasan liḍḥāṭih* dan sejumlah 4 hadith adalah *ḍa'īf*. Hasil kajian juga mendapati karya asal yang ditulis al-Dhahabi adalah yang mengandungi 76 Dosa-dosa besar.

AN ANALYSIS OF HADITHS ON CARDINAL SINS IN *AL-KABĀ'IR LI AL-DHAHABI*

ABSTRACT

The study was undertaken to analyse the Hadiths on Cardinal sins as found in the literature *al-Kabā'ir*. Two versions of different books has been spread, which contain hadiths that is *ḍa'īf* as well as fake within the content of *al-Kabā'ir* that resulted in confusion among the Muslim. Thus, this research is aimed to give the needed exposure in order to eliminate the confusion that has been arisen. A widely used source of reference and teaching in many mosques and *musolla*. It is aimed to investigate the perplexity in determining the authenticity of the hadiths in *al-Kabā'ir* and those claimed by the Imam al-Dhahabi. The study also examined evidences accrediting the expertise of al-Dhahabi in the discipline of hadiths. Six topics on mortal sins studied were the sins of shirk (the unforgivable crime of worshipping anyone and anything other than the singular God, i.e. Allah), the sins of killing, sins of practicing witch crafts, sins of not praying or performing the five times *solah*, sins of not paying the zakat and sins of being disrespectful to parents. A qualitative approach was used in this research. Data gathered was analysed, inductively and deductively. A total of 42 hadiths were analysed and the findings showed that 24 hadiths were found to be authentic, *sahih* from the *sanad* and *matan* perspectives. 14 other hadiths were *ḥasan lidhātih* while 4 other hadiths were found to be *ḍa'īf*. On the other hand it was found that al-Dhahabi recorded 76 mortal sins.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Hadith-hadith Nabi s.a.w. memainkan peranan utama sebagai sumber perundangan Islam yang kedua selepas al-Qur'ān. Kedudukan hadith sebagai sumber perundangan yang mempunyai autoriti yang kuat ini telah dijelaskan di dalam al-Qur'ān berdasarkan kepada Firman Allah s.w.t. Surah al-Nisā': 59 :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِيَ الْأَمْرِ مِنْكُمْ¹.

Maksudnya: Wahai orang-orang Yang beriman, Taatlah kamu kepada Allah dan Taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada "Ulil-Amri" (orang-orang Yang berkuasa) dari kalangan kamu.

Mengkaji hadith tentang kedudukan sanad-sanad adalah suatu perkara yang amat penting diambil secara teliti bagi memastikan keaslian hadith-hadith yang disampaikan adalah sahih. Hal ini juga bagi mengelakkan daripada melakukan penyebaran hadith-hadith palsu yang membawa kepada kesilapan beramal dengan amalan yang tidak dilakukan oleh baginda Nabi s.a.w. seterusnya menyesatkan orang lain. Tugas ini banyak memberikan ilmu pengetahuan kepada penulis berkaitan ilmu tentang sanad-sanad yang meriwayatkan hadith Nabi s.a.w serta dapat membezakan antara hadith yang *Sahih* dan *Da'if*. Ilmu ini amat penting bagi kepentingan saya secara khususnya juga kepada umat Islam bagi memastikan kesucian hadith Nabi s.a.w. dari diselewengkan dan diamalkan dengan pengetahuan yang salah.

Masyarakat yang hidup di zaman Rasulullah s.a.w tentunya berbeza dengan generasi yang hidup selepas kewafatan Nabi s.a.w. Semakin jauh peninggalan Nabi

¹ Surah al-Nisā': 59.

s.a.w maka semakin banyak penyimpangan amalan yang dilakukan oleh masyarakat umat Islam. Tidak dinafikan umat Islam di akhir zaman merupakan umat yang paling jauh terpisah, menyebabkan ramai di kalangan umat Islam hanyut dibawa arus kemodenan terpisah jauh dari ajaran Islam yang sebenar. Akhir-akhir ini Islam dituduh dan penganutnya dimomokkan dengan aktiviti keganasan yang memberi kesan yang buruk, walaupun tuduhan-tuduhan dan tohmahan yang dilontarkan tidak berdasarkan fakta yang benar, bahkan satu lakonan semata-mata bagi memburukkan Islam di mata Dunia.

Pembunuhan terhadap sesama Islam dan juga terhadap penganut agama lain secara tidak berperikemanusiaan telah memburukkan lagi persepsi terhadap ajaran Islam dan umat Islam. Sebagai muslim kita diajar dan ditunjukkan oleh Allah s.w.t. melalui al-Qur'ān dan juga hadith bahawa setiap amalan dan tindakan yang dilakukan akan diberi ganjaran pahala. Begitu juga dosa yang dilakukan akan diberi hukuman oleh Allah di akhirat kelak. Pahala dan dosa merupakan dua perkara yang penting didalam ajaran Islam. Umat Islam diberi peringatan agar mereka tidak terjebak dalam kancah dosa yang membawa akibat buruk di dunia mahupun di akhirat. Di mana perbuatan dosa yang dilakukan setiap insan akan diazab di dalam Neraka.

Firman Allah s.w.t:

وَالَّذِينَ تَجْتَنِبُونَ كَبِيرَ الْإِثْمِ وَالْفَوَاحِشَ وَإِذَا مَا غَضِبُوا هُمْ يَغْفِرُونَ²

Maksudnya: Dan juga (lebih baik dan lebih kekal bagi) orang-orang Yang menjauhi dosa-dosa besar serta perbuatan-perbuatan Yang keji; dan apabila mereka marah (disebabkan perbuatan Yang tidak patut terhadap mereka), mereka memaafkannya.

² Surah al-Syūra: 37.

إِنْ تَجْتَنِبُوا كَبَائِرَ مَا تُنْهَوْنَ عَنْهُ نُكَفِّرْ عَنْكُمْ سَيِّئَاتِكُمْ وَنُدْخِلَكُمْ مُدْخَلَ كَرِيمٍ

3 ﴿٣١﴾

Maksudnya: Jika kamu menjauhkan dosa-dosa besar Yang dilarang kamu melakukannya, Kami akan ampunkan kesalahan-kesalahan (dosa kecil) kamu, dan Kami akan masukkan kamu ke tempat Yang mulia (syurga).

Di dalam ayat di atas Allah s.w.t. memberi peringatan kepada hamba-hambanya agar menjauhi dari melakukan dosa-dosa besar. Jumhur ulama bersepakat bahawa dosa terbahagi kepada dua jenis, iaitu dosa besar dan dosa kecil.⁴ Ibn ‘Abbas(w.68H) berpandangan setiap dosa yang dijanjikan Allah azab neraka, atau kemurkaan, ataupun laknat maka ia adalah dosa besar.⁵

Sabda Rasulullah s.a.w. :

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ سُئِلَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنِ الْكَبَائِرِ قَالَ
الْإِشْرَاكُ بِاللَّهِ وَعُقُوقُ الْوَالِدَيْنِ وَقَتْلُ النَّفْسِ وَشَهَادَةُ الزُّوْرِ

Maksudnya: “Dari Anas bin Malik r.a. berkata, ketika Nabi ditanya tentang dosa-dosa besar lalu beliau menjawab: Syirik (mempersekutukan Allah), derhaka terhadap kedua ayah-bunda, membunuh jiwa manusia dan saksi palsu ”

Mengikut riwayat Anas bin Mālik sebagaimana yang diriwayatkan oleh Imam Muslim Rasulullah s.a.w. telah memberi jawapan kepada para sahabat yang bertanya berkenaan dosa-dosa besar lalu beliau memberi jawapan bahawa dosa-dosa besar adalah berlaku syirik terhadap Allah s.w.t., menderhakai kedua ibu bapa, membunuh jiwa manusia dan menjadi saksi palsu. Berdasarkan hadith tersebut kita dapat simpulkan perbuatan tersebut wajib di jauhi oleh setiap Muslim.

³ Surah al-Nisā’ : 31.

⁴ Wahbah al-Zuhaili. *al-Tafsir al-Munir*.jld. 5. hlm. 38.

⁵ *Ibid.*, hlm. 40.

⁶ Al-Muslim, Abu al-Husayn Muslim ibn al-Hajjaj. (1993). *Sahih Muslim.kitab al-syhadah*, Cet.1. Beirut : Dar al-Fikr.

Abu Hurayrah r.a. meriwayatkan daripada Nabi s.a.w. tentang tujuh macam dosa besar.

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ اجْتَنِبُوا السَّبْعَ
الْمُؤَبِّقَاتِ قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ وَمَا هُنَّ قَالَ الشَّرُّ كُ بِاللَّهِ وَالسَّحَرُ وَقَتْلُ النَّفْسِ الَّتِي حَرَّمَ
اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِّ وَأَكْلُ الرِّبَا وَأَكْلُ مَالِ الْيَتِيمِ وَالتَّوَلَّى يَوْمَ الرَّحْفِ وَقَذْفُ الْمُحْصَنَاتِ
الْمُؤْمِنَاتِ الْغَافِلَاتِ⁷

Maksudnya: “Dari Abu Hurairah r.a. Nabi s.a.w. bersabda: “jauhilah oleh kalian tujuh hal yang membinasakan!” Para sahabat bertanya: “Wahai Rasulullah, apakah tujuh hal yang membinasakan itu?” Beliau bersabda: “Menyekutukan Allah, sihir, membunuh jiwa yang diharamkan oleh Allah kecuali karena hak, makan riba, makan harta anak yatim, melarikan diri sewaktu jihad dan menuduh zina wanita-wanita mukmin yang senantiasa memelihara dirinya.”

Hadith yang diriwayatkan melalui *sanad* Abu Hurayrah menerangkan peringatan tegas daripada Rasulullah s.a.w agar menjauhi tujuh perbuatan yang membawa kebinasaan terhadap individu di dunia mahupun di akhirat.

1.2 Permasalahan kajian

Penyebaran hadith-hadith palsu yang masih berlaku dikalangan masyarakat pada hari ini memberi kesan yang buruk kepada umat Islam. Hal demikian di tambah lagi dengan era teknologi maklumat yang pantas dan pelbagai, menyebabkan hadith-hadith yang tidak jelas sumbernya disebarikan begitu meluas. Perkara tersebut memerlukan usaha-usaha gigih dikalangan para ilmuan Islam menangani bagi membendung gejala tersebut dapat diatasi bagi menyelamatkan umat Islam dari menerima hadith-hadith palsu dan menjauhkan mereka mengambilnya sebagai panduan hukum.

⁷ Ibn Hajar, Ahmad ibn ‘Ali ibn Hajar al-‘Asqalāni. (2007). *Fath al-Bārī bi Syarh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Kitāb al Waṣāyā*. Cet.1 Beirut: Dar al-Fikr.

Berdasarkan situasi dan keperluan, pengkaji terpanggil untuk membuat satu kajian berkaitan dosa-dosa besar. Tokoh besar yang telah memberi sumbangan yang amat bernilai buat kepentingan umat Islam. Beliau telah mengarang sebuah kitab *al-Kabā'ir* yang tidak asing lagi di kalangan umat Islam. Al-Hāfīz Abī 'Abdillāh Muhammad bin Ahmad bin Uthman bin Qaymaz al-Dhahabi merupakan seorang ulama hadith yang terkenal.

Ketokohan Imam al-Dhahabi telah diperakui oleh para ulama hadith antaranya Ibn Hajar al-Asqalānī⁸. Penyataan ini dibuktikan dengan terdapat banyak karya-karya beliau dalam bidang penulisan. Oleh yang demikian menyebabkan terdapat para penulis yang telah menyandarkan tulisan-tulisan mereka ke atas Imam Dhahabi. *Kitāb al-Kabā'ir* telah mendapat perhatian yang meluas di kalangan para tenaga pengajar, serta digunakan dalam pengajaran termasuklah di masjid-masjid dan surau-surau. Oleh kerana terdapat beberapa versi kitab yang berbeza. Terdapat *al-Kabā'ir* yang di nisbahkan kepada Imam al-Dhahabi. Hal ini menarik minat pengkaji untuk menjadikan *Kitāb al-Kabā'ir* ini sebagai bahan kajian.

Terdapatnya hadith-hadith *maudū'* dan perkara-perkara khurafat yang terdapat di dalam *Kitāb al-Kabā'ir* yang tersebar⁹ memerlukan penjelasan yang lebih teliti agar tidak timbul kekeliruan di kalangan masyarakat umat Islam khususnya di Negara Malaysia yang tercinta.

Oleh sebab itu pengkaji akan menggunakan *Kitāb al-Kabā'ir* untuk digunakan di dalam kajian berdasarkan tajuk pengkaji. Maka berdasarkan dengan penyataan di atas ianya menjadi satu dorongan yang kuat untuk pengkaji menjadikan *Kitāb al-Kabā'ir* sebagai bahan kajian, dengan harapan ianya dapat memberi sumbangan buat umat

⁸ Mahyiddin Mistu, *Al-Kabā'ir wa tabyīn al mahārim*. Darul ibn Kathir, Damsyiq, Beirut. hlm. 24.

⁹ *Al-Kabā'ir wa tabyīn al-Muhāram*, hlm.12.

Islam. Adapun isu-isu yang berlaku dan terus berlaku menarik minat pengkaji untuk mengkaji kitab tersebut.

1.3 Sorotan Kajian

Hasil penelitian yang dijalankan, penulis mendapati kajian yang berkait dengan tajuk kajian analisis hadith-hadith berkaitan sepuluh dosa-dosa besar dalam *Kitāb al-Kabā'ir li al-Dhahabi* masih belum dibuat kajian secara khusus. Antara kajian yang terdahulu berkaitan tentang Imam al-Dhahabi dan dosa-dosa besar yang dapat dijejaki pengkaji ialah:

- a) Nurul Khairiah binti Khalid, *Al-Ahadith al-lā'i sakata 'anha al-Hākim wa al-Dhahabi ma'an fi juz' ayn al-awwalayn li- al-Mustadrak wa Talkhishishi : dirasah naqdiyyah*, UIAM, Tesis Sarjana, 2000.

Setelah diteliti kajian yang dilakukan beliau berbeza dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji, di mana kajian yang dilakukan Nurul Khairiah berkaitan hadith-hadith yang tidak diulas oleh Imam al-Hakim dan al-Dhahabi di dalam kitab *al Mustadrak wa Talkhishishi*. Manakala kitab yang pengkaji lakukan kajian adalah kitab al-kabāir. maka jelaslah tajuk yang dibuat kajian terdahulu berbeza dengan kajian penulis.

- b) Ahmad Yusoff, *Sumbangan Imam al-Dhahabi dalam pengajian ilmu rijal : kajian khusus terhadap kitab Tadhkirah al-Huffaz*, Universiti Malaya, Disertasi Sarjana, 2003/2004.

Setelah diteliti kajian yang dilakukan oleh Ahmad Yusoff adalah tentang sumbangan Imam al-Dhahabi dalam pengajian *Ilmu Rijāl*. Manakala pengkaji pula berkaitan ketokohan Imam al-Dhahabi. Namun kajian yang dilakukan beliau dapat membantu pengkaji dalam membuat kajian mengenai ketokohan Imam al-Dhahabi.

- c) Suzana bt. Abdul Rahman, *Dosa-dosa besar: Kajian Khusus Tentang Syirik dan Sihir serta Implikasinya Kepada Masyarakat*, Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, 2007.

Kajian ini walaupun berkaitan tentang dosa-dosa besar namun ia memfokuskan tentang dosa syirik dan sihir serta implikasi kepada masyarakat. adapun pengkaji memfokuskan kajian tentang analisis hadith-hadith yang terkandung di dalam sepuluh dosa-dosa besar yang terdapat di dalam *Kitāb al-Kabā'ir*.

- d) Salmah Kassin, *Fitnah Sebagai Suatu Dosa Besar Dan Implikasinya Terhadap Masyarakat, Tumpuan Kepada Kitab al-Fitan, Sahih Bukhari*, Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, 1998.

Kajian ini juga, walaupun berkaitan dengan fitnah sebagai satu dosa besar. Namun ia memfokuskan *Kitāb al-Fitan* yang terkandung di dalam Sahih Bukhari. kajian ini berbeza dengan kajian yang dilakukan pengkaji merujuk kepada *sunan*

*sittah*¹⁰ serta juga kitab-kitab hadith selainnya. Maka di sini satu perbezaan yang ketara dengan kajian yang dilakukan oleh salmah Kassan .

- e) Muhammad Faisal bin Ismail (2003), “Keprihatinan ulama hadith terhadap *sanad* hadith: Suatu kajian terhadap aplikasinya dalam Kitab al-Sirah al-Nabawiyah, karya Ibn Hisham”. Disertasi Sarjana, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Kajian yang dilakukan oleh Muhammad faizal mengenai teori dan *manhaj* yang digunakan oleh para ulama' hadith di dalam kajian *sanad*. Beliau memfokuskan di dalam kitab al-Sirah Nabawiyah. Manakala pengkaji memfokuskan *Kitāb al-Kabā'ir* karya al-Dhahabi.

Maka di sini pengkaji dapat simpulkan, setelah dijejaki kajian-kajian yang dilakukan oleh pengkaji sebelumnya. Maka secara keseluruhannya kajian-kajian yang telah dilakukan berbeza dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Namun kajian-kajian lalu dapat membantu pengkaji dalam membuat kajian tentang *Kitāb al-Kabā'ir*. Pertama berkaitan ketokohan Imam al-Dhahabi. Kedua konsep dosa-dosa besar dan yang ketiga konsep kajian *sanad*.

1.4 Skop Kajian

Bagi mengelakkan kajian menjadi terlalu umum dan tersasar serta hilang fokus, penulis telah menetapkan beberapa perkara sebagai panduan.

¹⁰ *Sunan Sittah*: Sahih Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Ibn Majjah, Sunan Abū Dāwud, Sunan al-Tirmidhi dan Sunan al-Nasā'i.

Pertama, kajian ini adalah ditumpukan kitab *al-Kabā'ir* berkaitan hanya terhadap hadith-hadith yang terkandung dalam bab pertama, iaitu syirik kepada Allah s.w.t., bab kedua membunuh manusia, bab ketiga sihir, bab keempat meninggalkan solat, bab kelima tidak mengeluarkan zakat, dan bab keenam menderhakai kedua ibu bapa. Jumlah hadith yang akan dikaji adalah sebanyak 42 hadith sahaja. Enam topik dipilih berdasarkan kepentingan dan keperluan bagi umat Islam di Malaysia. Manakala bahan kajian pengkaji adalah *Kitāb al-Kabā'ir*¹¹ yang asli, bukan yang di nisbahkan kepada Imam al-Dhahabi.

Kedua, kajian ini hanya difokuskan terhadap hadith-hadith manakala ayat-ayat al-Qur'ān tidak termasuk di dalam analisis kajian ini. Manakala perbandingan rujukan hadith-hadith berdasarkan *Kutub al-Sittah*.

1.5 Kepentingan Kajian

Adalah diharapkan kajian ini dapat:

1. Menerapkan kefahaman yang benar berkaitan dosa-dosa besar berdasarkan al-Qur'ān dan hadith-hadith yang ṭhābit daripada Nabi s.a.w.
2. Memberikan gambaran tentang keistimewaan dan keunggulan Imam al-Dhahabi sebagai Ilmuan Islam yang terkenal.
3. Menjadi sumber rujukan kepada umat Islam amnya agar tidak terjebak dalam dosa-dosa besar serta mengetahui hadith-hadith ṣahih yang berkaitan.

¹¹ *Al-Kabā'ir wa tabyīn al-Muhāram*

1.6 Objektif Kajian

Dalam memastikan kajian ini berjalan dengan sebaiknya, penulis telah menggariskan beberapa objektif, iaitu:

1. Mengkaji konsep *al-Hadith* dan dosa-dosa besar di sisi Islam menurut al-Qur'ān dan al-Hadith.
2. Mengkaji ketokohan Imam al-Dhahabi sebagai tokoh Ilmuan Islam dalam bidang hadith.
3. Mengkaji serta menganalisis kedudukan *sanad* dan *matan* hadith-hadith berkaitan dosa-dosa besar di dalam *Kitāb al-Kabā'ir*.

1.7 Metodologi Kajian

Sebagai jalan mencapai objektif kajian, dua perkara akan diberikan keutamaan semasa menjalankan kajian ini, iaitu:

1.7.1 Metodologi pengumpulan data:

Bagi tujuan pengumpulan data, penulis akan menggunakan kaedah Kajian kepustakaan sahaja. Ini bermakna, penulis akan mendapatkan maklumat berkaitan tajuk kajian daripada bahan-bahan seperti buku, jurnal, disertasi, tesis dan sebagainya. Bahan-bahan ini akan diperolehi daripada perpustakaan.

Di antara perpustakaan yang akan dimanfaatkan ialah Perpustakaan Hamzah Sendut 1, Universiti Sains Malaysia. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Perpustakaan Kolej Universiti Islam Kedah. Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia.

1.7.2 Metodologi analisis data.

Bagi tujuan menganalisis data, beberapa kaedah akan diaplikasikan oleh pengkaji. Di antara kaedah tersebut ialah

a) Kaedah deduktif:

Melalui kaedah ini, penulis akan membuat rumusan dan kesimpulan daripada data umum yang diperoleh menjadi kesimpulan khusus. Ini bermakna, setiap hadith yang telah dikumpulkan akan dianalisa untuk di keluarkan hukum dan hujah yang bersesuaian. Oleh itu, kaedah deduktif ini banyak memberi manfaat kepada pengkaji semasa membuat kesimpulan hukum daripada sesuatu hadith yang akan dibincangkan pada bab 4, iaitu analisis kedudukan hadith.

b) Kaedah induktif:

Metodologi ini digunakan bagi menganalisis data melalui pola berfikir untuk mencari pembuktian yang bersifat khusus kepada bersifat umum. Oleh itu, kaedah deduktif ini banyak memberi manfaat kepada pengkaji semasa membuat kesimpulan daripada data yang dikumpulkan pada bab 2 dan 4.

BAB 2

AL-HADITH DAN KONSEP DOSA-DOSA BESAR

2.0 Pendahuluan

Perbincangan mengenai ilmu berkaitan *Hadith* sentiasa diperkatakan dan dibincangkan memandangkan ia sumber kedua selepas al-Qur'ān. Begitu juga perbuatan dosa yang sering kali individu Muslim terlanjur disebabkan faktor-faktor yang pelbagai. Bab ini pengkaji akan membicarakan dua aspek sebagai landasan teori penulisan. Pertama tentang *Hadith* dan yang kedua konsep dosa-dosa besar.

2.1 Pengertian *Hadith*

Terdapat dua komponen penting di dalam ilmu hadith yang menjadi penentu sama ada sesebuah hadith tersebut diterima atau ditolak. Pertamanya adalah berkaitan dengan *sanad* manakala yang kedua matan. *Sanad* terletak diawal setiap hadith, manakala *Matan* pula merupakan bahagian selepas berakhirnya *sanad*.

Pada bahagian ini pengkaji akan membincangkan definisi hadith, *sanad* dan *matan*. Kepentingannya bagi membantu pengkaji dalam proses kajian yang dilakukan agar ia jelas dan dapat difahami dengan betul.

Al-Hadīth

Menurut Ibn Manzūr, kata hadith dari sudut bahasa (*al-Jadīd*) sesuatu yang baharu lawan kepada lama (*al-Qadīm*).¹² Maksud yang lain memberi makna *al-Kalam* dan juga *al-Khabar*¹³

¹² Muhammad Ibn Mukarram Ibn Manzur, *Lisān Al-Arab*, Juz II. 1992. Hal. 131

Manakala *Hadith* dari sudut istilah, terdapat beberapa definisi yang diberikan oleh para ulama hadith. Dalam konteks ini pengkaji mendatangkan beberapa pandangan yang utama, antaranya:

Abū al-Layth mendefinisikan *Hadith* ialah setiap apa yang disandarkan ke atas Nabi s.a.w. dari sudut kata-kata, perbuatan, *taqrīr*, sifat *khilqiyah*, sifat *khuluqiyah*, samada sebelum kenabian atau selepas kenabian.¹⁴

Manakala menurut ‘Ajjāj al-Khaṭīb dalam mentakrifkan definisi *Hadith* ialah setiap sesuatu yang diberitakan dari Nabi s.a.w. baik berupa perkataan, perbuatan, *taqrīr*, sifat *khilqiyah*, sifat *khuluqiyah*, sirahnya sama ada sebelum atau selepas kenabian.¹⁵

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ
كَثِيرًا ۖ

Maksudnya: “Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaa) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang”

Mahmud al-Ṭahhān pula mendefinisikan dengan pengertian yang agak ringkas. Menurut pandangannya *Hadith* ialah setiap apa yang disandarkan kepada Nabi s.a.w. dari sudut perkataan, perbuatan, *taqrīr* dan juga sifat.¹⁷ jika diamati di sana terdapat persamaan di antara takrifan yang dibuat oleh Abu al-Layth begitu juga definisi yang dinyatakan oleh ‘Ajjāj al-Khaṭīb.

Berdasarkan perbincangan di atas dapatlah disimpulkan bahawa *Hadith* di dalam kajian ini ialah setiap perkara yang disandarkan kepada Nabi s.a.w. meliputi

¹³ Abū al-Layth, ‘*Ulūm al-Hadith*, hlm. 25

¹⁴ Abu al-Layth, ‘*Ulūm al-Hadith*, hlm.5

¹⁵ Muhammad Ajjāj al-Khaṭīb, *As-Sunnah Qabla Al-Tadwīn*. Kaherah: Maktabah Wahbah. 1975. Hal. 19.

¹⁶ Surah al-Ahzāb: 21.

¹⁷ Maḥmūd al-Ṭahhān, *Taṣīr Mustalah al-Ḥadith*, Cet.10, Riyād, Maktabah al-Ma‘ārif, hlm.15.

sebelum atau selepas kenabian sama ada dari sudut perkataan atau perbuatan dan juga *taqrīr* serta sifat.

2.1.1 *Sanad*

Definisi *Sanad*:

Sanad dari sudut bahasa bermaksud sandaran atau al-Mu'tamad.¹⁸ manakala dari sudut istilah pula para ulama berbeza pandangan dalam menta'rifkan pengertian *sanad*. Ibn Hajar al 'Asqalāni berpendapat bahawa *sanad* ialah *hikayah* jalan yang membawa kepada *matan*.¹⁹ Berdasarkan ta'rif ini memberi erti *sanad* adalah jalan atau cara untuk mendapatkan *matan* sesuatu hadith. Manakala menurut pandangan Mahmud al-Ṭahhān menyatakan *sanad* ialah *silsilah al-rijāl* yang menghubungkan kepada *matan*.²⁰ sementara itu Abū al-Layth berpandangan bahawa *Sanad* apa yang ada sebelum *matan*.²¹ setelah diamati pengertian ini menunjukkan bahawa *sanad* adalah berkait dengan perkara-perkara yang membawa kepada *matan* sesuatu hadith.

Berdasarkan ketiga-tiga pandangan yang dinyatakan di atas, maka dapatlah disimpulkan bahawa *sanad* adalah yang berkait dengan perawi dan proses periwayatan mereka yang membawa kepada *matan* sesuatu hadith.

2.1.2 *Matan*

Definisi *matan* dari sudut bahasa ialah apa yang kukuh dan diangkat daripada bumi.²²

¹⁸ Al-Qamus al-Muhit, hlm. 290

¹⁹ Ibn Hajar al-'Asqalāni, *Nuzḥah al-Nazar fī Tawdīh Nuhbah al-Fikr*, Cet.1, al-Riyad, Maktabah al-Malik Fahd al-Wataniyyah, hlm.15

²⁰ Mahmud al-Ṭahhān, *Taisīr al-Muṣṭalah*, hlm. 14.

²¹ Abū al-Layth, *'Ulūm al-Ḥadīth*, hlm. 28.

²² Al-Qamus al-Muhit, hlm.1233.

Manakala dari sudut istilah *matan*, menurut pandangan Ibn Hajar ialah tujuan yang berakhir padanya *Isnād* daripada perkataan.²³ Definisi ini menjelaskan bahawa *matan* adalah perkhabaran yang menjadi tujuan kewujudan sesuatu *sanad*.

Selain itu, menurut Mahmūd al-Taḥḥān juga mendefinisikan *matan* ialah apa yang berakhir padanya *sanad* yang mengandungi *al-Kalam*.²⁴ Apabila diperhatikan terdapat persamaan antara Ibn Hajar dengan Mahmūd al-Taḥḥān dari sudut pengertian *matan*. Abū Layth mendefinisikan *matan* ialah apa yang ada selepas *sanad*.²⁵

Berdasarkan definisi yang dinyatakan oleh ketiga-tiga tokoh tersebut, dapatlah disimpulkan bahawa *matan* ialah lafaz yang mengandungi perkhabaran dan kata-kata. Ia juga merupakan satu proses periwayatan dan berada selepas sesuatu *sanad*.

Daripada pernyataan-pernyataan yang diberikan, maka *sanad* ialah cara atau jalan yang melibatkan para perawi dan juga proses periwayatan yang bertujuan untuk mendapatkan *matan* satu-satu hadith. Manakala *matan* pula merupakan kisah, berita dan perkhabaran yang di perolehi melalui *sanad*.

2.1.2 Kepentingan *sanad* dan *matan* kepada hadith.

Imam Muslim di dalam muqaddimahnyanya telah menukilkkan, dari Mujāhid beliau berkata:

“Telah datang Basyir al-‘Adawi kepada Ibn Abbās r.a. lalu dia sering mengucapkan: telah berkata Rasulullah s.a.w., telah berkata Rasulullah s.a.w.". Lalu Ibn Abbās r.a. tidak mengizinkan untuk meriwayatkan hadith yang diriwayatkan olehnya dan tidak pula melihat kepadanya (tidak mengendahkanannya). Maka, dia berkata: "Wahai Ibn Abbās. Kenapa engkau tidak mahu mendengar perkataanku (hadith yang ku

²³ Ibn Hajar, *Nuzhah al-Nazar*, hlm.16.

²⁴ Mahmud al-Tahhān, *Taisīr al-Muṣṭalah*, hlm. 15.

²⁵ Muhammad Abū Layth al-Kahyr Abādi, *‘Ulūm al-Hadith Aṣīlūhā Wa Ma‘āṣirūhā*, hlm.24.

riwayatkan). Aku menyebut hadits daripada Rasulullah s.a.w. namun kamu tidak mahu mendengarnya?" Ibn Abbās r.a. menjawab: "Sesungguhnya dahulu jika kami mendengar seseorang berkata: "telah bersabda Rasulullah s.a.w..." kami akan menumpukan perhatian kami kepadanya dan mendengar ucapannya. Namun, setelah manusia ditimpa malapetaka dan kesusahan (timbulnya banyak fitnah dan pendustaan dari kalangan manusia), maka kami tidak akan meriwayatkan hadits melainkan daripada orang yang kami kenal sahaja".²⁶

Ini adalah petunjuk yang jelas akan kepentingan *sanad* dalam hadits itu sendiri, bagi mengelakkan berlakunya pendustaan dalam periwayatan tersebut. Kepentingan *sanad* sangat berkait rapat dengan hadits-hadits Nabi s.a.w., namun dalam disiplin ilmu Islam, kitab-kitab warisan ilmiah Islam (*turath*) turut diriwayatkan secara *bersanad* bagi memastikan ketulenan isi kandungan kitab-kitab tersebut tanpa sebarang penambahan daripada pihak ketiga. Disiplin Ilmu Islam sangat mementingkan *sanad* selain daripada kefahaman terhadap isi kandungan kitab kerana ilmu Islam bukan sahaja diwarisi secara *dirāyah* (kefahaman) tetapi juga diwarisi secara *riwāyah* iaitu secara *bersanad* bagi memastikan kitab-kitab yang diriwayatkan tersebut jelas nisbahnya kepada penulis asalnya.

Golongan *tabi'īn* mula mengambil berat masalah periwayatan hadits khususnya secara *bersanad* kerana ingin menilai kedudukan perawi-perawi hadits yang meriwayatkan hadits-hadits tersebut, bagi mengelakkan sebarang kemungkinan berlakunya pendustaan dalam hadits Nabi s.a.w. seterusnya membawa kepada pemahaman yang terpesong .

2.1.3 Pandangan Ulama Tentang Kepentingan *Sanad*.

²⁶ Al-Muslim, *Muqaddimah Ṣaḥīḥ Muslim, Bāb bayān anna al-Isnād min al-Dīn*. hlm.19.

Para ulama telah memberi beberapa pandangan tentang kepentingan sanad, antaranya:

a. al-Zuhri (w. 124 H)

Imam Ahmad meriwayatkan dalam musnadnya, daripada 'Utbah bin Abi Hakim yang berkata bahawasanya al-Zuhri mendengar Ishāq bin Abdillah bin Abi Furah berkata: telah bersabda rasulullah “Maka al-Zuhri berkata: “Binasalah kamu wahai Ibn Abi Furah. Tergamakkah kamu melampaui ke atas Allah, melainkan hendaklah kamu menyandarkan hadith kamu tersebut (dengan *sanadnya*). Kamu meriwayatkan hadith tanpa sebarang rujukan dan sumbernya.”²⁷

b. ‘Abdullah bin ‘Aun

Ibn Abī Hātim al-Rāzi meriwayatkan dengan *sanadnya* kepada Abdullah bin ‘Aun bahawasanya beliau berkata: "Tidak boleh diambil ilmu ini (ilmu hadith dan ilmu agama) melainkan daripada orang yang telah diakui pernah menuntut sebelum itu (pernah meriwayatkan ilmu dari gurunya secara bersanad juga).”²⁸

c. Al-Auzā'ie (w. 157H)

Ibn Abd al-Bar meriwayatkan daripada Imam al-Auzā'ie bahawasanya beliau berkata: “Tidaklah hilang ilmu (agama) melainkan dengan hilangnya *sanad-sanad* (ilmu agama tersebut)”.²⁹

d. Syu‘bah bin al-Hajjāj (w. 160 H):

Ibn Abi Hātim al-Rāzi meriwayatkan dengan *sanadnya* kepada Syu‘bah bahawasanya beliau berkata: “Aku melihat kepada mulut Qotādah. Jika dia

²⁷ *Ma‘rifah al-‘Ulūm al-Ḥadīth*, hlm.5

²⁸ ‘Abd al-Rahmān ibn ‘Abi Hātim, *al-Jarh wa al-Ta’dīl*.hlm.28

²⁹ al-Tamhid 1/314

sanad hadith), maka aku tidak akan menumpukan kepada apa yang sedang disebutnya”.³⁰

e. Ibn Mubārak (w. 181H):

Isnād (*sanad*) menurutku adalah agama. Kalaulah tanpa *sanad*, sesiapa sahaja akan bercakap apa sahaja (dalam urusan agama). Jika ditanya kepadanya “siapa yang menyampaikan kepadamu (meriwayatkan kepadamu hadith-hadith dan ilmu agama), nescaya dia akan kebingungan (tidak mengerti kerana tidak pernah mempunyai *sanad*)”. Beliau berkata lagi: “Antara kami dengan kaum (para ulama yang meriwayatkan ilmu dan hadith) adalah ikatan, iaitulah *sanad*”.

f. Ibn Sirīn (w. 728H)³¹

Imam Muslim meriwayatkan dari Muhammad bin Sirīn, “*Isnād* itu sebahagian dari agama, jika tidak kerana *isnād*, maka sesiapa akan berkata apa saja yang dikehendaki (dalam urusan agama tanpa ilmu mendalam tentangnya)”³²

Beliau berkata lagi: “Ilmu itu adalah agama, maka perhatikanlah dari siapa kamu mengambil agamamu (ilmu agama tersebut)”³³

g. Sufiyan al-Thauri.(w. 161H)

Ibnu Hibbān menukikan dari Sufyān al-Thauri berkata “*Isnad* adalah senjata bagi orang beriman, jika tanpa senjata, bagaimana dia mempertahankan diri?”³⁴

³⁰ ‘Abd al-Rahmān ibn ‘Abi Ḥātim, *al-Jarh wa al-Ta’dīl*. hlm.32

³¹ Al-Muslim, Muqaddimah Ṣaḥīḥ Muslim, *Bāb bayān anna al-Isnād min al-Dīn*. hlm.15.

³² *Ibid.*, hlm.15.

³³ *Ibid.*, hlm 15.

³⁴ Ibn Hibbān, *Muqaddimah al-Majrūḥīn*. hlm. 27.

2.1.4 Pandangan Ulama Tentang Kepentingan *Matan*

Ulama hadith telah membahagikan *matan* kepada tiga jenis; *marfu'*, *mawquf* dan *maqtu'*.³⁵ perbincangan mengenai ketiga-tiga ini akan dijelaskan di dalam bahagian jenis-jenis hadith. Terdapat perbezaan dari sudut *matan* berlaku di dalam periwayatan hadith. Berlakunya perbezaan pandangan ulama dalam periwayatan *al-riwāyāt bi al-ma'na* dalam konteks *matan* sesebuah hadith. Berdasarkan pemerhatian pengkaji terdapatnya perbezaan dari sudut *matan* sebagaimana yang terdapat di dalam *Kutub al-Sittah*.

Sebahagian ulama salaf, ahli yang amat berhati-hati dalam kalangan *muhaddithin* dan juga *fuqahā* dan kalangan *al-syāfi'iyyah* dan selainnya secara *qat'i* tidak membenarkan melakukan merubah lafaz-lafaz *matan* sesebuah hadith samada perubahan dari sudut huruf mahupun perkataan.³⁶

Ibn Solah menyatakan ulama yang menegah al-Riwayah dengan mengubah *matan* hanya pada hadith Nabi s.a.w. selainnya dibolehkan.³⁷

2.2 Jenis-jenis Hadith:

Al-hadith terbahagi beberapa jenis, setiap jenis tersebut berbeza dari sudut kedudukan. Pada bahagian ini pengkaji akan membincangkan dua aspek utama sebagaimana berikut:

2.2.1 Pertama: Hadith dari sudut sumber

Perbincangan *al-Hadith* dari aspek ini terbahagi kepada empat bahagian iaitu hadith al-Qudsi, *al-Marfu'*, *al-Mauquf* dan *al-Maqtu'*.

³⁵ Tariq b'Awad al-lah b Muhammad, *Syarh Lughah al-Muhaddith Manzūmah fi 'ilm Muṣṭalah al-ḥadīth*, hlm.74.

³⁶ Al-Khaṭīb al-Baghdādī, *Al-Kifāyah Fī Ma'rifah Uṣūl Ilm al-Riwayah*, j.1, hlm.198.

³⁷ Al-suyuti, *Tadrib al-Rawi Fi Syarh taqrib al-Nawawi*, hlm.301.

1. Definisi *Hadith Qudsi*

Dalam kitab-kitab Hadith terdapat sebilangan besar *Hadith Qudsi*, ia ada yang *ṣaḥīḥ* mahupun yang tidak *ṣaḥīḥ*. Bagi menentukan keasliannya ia memerlukan kajian dan penelitian oleh mereka-mereka yang mendalami ilmu hadith. Sebelum penulis membahaskan secara terperinci tentang *Hadith Qudsi*, disini dijelaskan definisi apakah yang dimaksudkan dengan *Hadith Qudsi*. Para Ulama' Hadith mendefinisikan bahawa *Hadith Qudsi* itu: ialah perkataan Nabi s.a.w. yang disebut dengan mengatakan Allah bertitah, disandarkan perkataan itu kepada Allah dan diriwayatkan daripadanya³⁸.

Kesimpulannya *Hadith Qudsi*: Ialah maknanya dari Allah yang disampaikan kepada Nabi s.a.w. di dalam mimpi atau dengan jalan ilham, lalu Nabi s.a.w. menerangkan apa yang disampaikan itu kepada umatnya dengan ibarat atau susunan perkataannya sendiri serta menyandarkan kepada Allah s.w.t.. Sedang hadith-hadith yang lain tidak demikian itu. *Hadith Qudsi* itu dinamakan juga Hadith Ilahi atau Hadith Rabbani.

2. *Al-Hadith al-Marfū'*:

Al-Marfū' dari sudut bahasa ialah kata *Ism Maf'ūl* yang berasal daripada kata dasar “*rafa'a*” iaitu mengangkat.³⁹ makna ini menepati dengan kedudukan *al-Marfū'* di mana kedudukan *sanadnya* tidak terhenti pada perawi terakhir iaitu al-*Ṣahābah* bahkan terus diangkat dan disandarkan kepada Nabi s.a.w.

Manakala dari sudut istilah menurut pandangan Ibn *Ṣalāh*, beliau mendefinisikan *al-Marfū'* ialah apa-apa yang disandarkan kepada Rasulullah s.a.w. secara khusus, ia tidak

³⁸ Muhammad Muhammad Abū Zahw. *Al-ḥadīth wa al-Muhaddithūn*. Maktabah al-Tauḥīqīyah. hlm. 17

³⁹ Mahmud al-Tahhān, *Taisīr al-Muṣṭalah*, hlm. 22.

termasuk secara mutlak kepada selain Nabi s.a.w. seperti mana *al-Mawqūf* ia hanya disandarkan kepada al-Ṣahabah dan selain mereka.⁴⁰

Imam al-Nawāwī pula menta'rifkan *al-Marfū'* ialah setiap apa yang disandarkan kepada Nabi s.a.w. secara khusus dan tidak termasuk didalamnya secara mutlak kepada selain Nabi s.a.w. sama ada bersambung atau terputus.⁴¹

Apabila diamati al-Nawāwī dan Ibn al-Ṣalah mempunyai pendapat yang sama, di mana mereka mengkhususkan *al-Marfū'* hanya kepada Nabi s.a.w. dengan erti kata al-Nawāwī memasukkan semua jenis hadith yang disandarkan kepada Nabi s.a.w. sama ada bersambung atau tidak, jika demikian bermakna termasuklah juga *al-Mursāl*, *al-Munqati'* ke dalam kategori *al-Marfū'*.

Manakala mengikut pandangan Ibn Hajar *al-Marfū'* ialah apa-apa yang berakhir tujuan *sanadnya* pada Nabi s.a.w. sama ada bersambung ataupun tidak.⁴²

Setelah dinyatakan tiga pandangan yang diambil dalam menta'rifkan *al-marfū'*, dapatlah disimpulkan bahawa *al-Marfū'* ialah semua perkara yang mana sandaran atau *masdarnya* ialah hanya Nabi s.a.w..

Seterusnya dari sudut kehujahan dan hukum hadith yang *marfū'* adalah bergantung sejauh mana martabat *sanadnya*. *al-Marfū'* sama ada *ṣahih*, *ḥasan*, atau *ḍa'īf* atau *mawḍū'* dari sudut kehujahan berbeza. Perbezaan ini akan dijelaskan pada bahagian yang akan datang di bawah tajuk *al-Hadith* berdasarkan *al-Maqbūl* dan *al-Mardūd*.

3. *al-Mawqūf*

Al-Mawqūf dari sudut bahasa dari kata *ism al-Maf'ūl* berasal dari perkataan *waqafa* yang bermaksud berhenti.⁴³Oleh itu *al-Mawqūf* dari sudut bahasa yang

⁴⁰ Ibn-Ṣalah, *Muqaddimah Ibn-Ṣalah*, Cet.1, al-Qāhirah, Dār al-hadith, hlm. 72.

⁴¹ Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī, *Tadrīb al-Rāwī*, Cet.1, Beirut, Dār al-Fikr, hlm.116.

⁴² Ibn Hajar, *Nuzhah al-Nazar*, hlm. 145.

bermaksud “Yang dihentikan” adalah bersesuaian dengan kedudukan *sanad*nya yang terhenti pada perawi *al-Sahābah*.

Mengikut Al-Nawāwī, *al-Mawqūf* ialah perkara yang diriwayatkan daripada *al-Sahābah* dalam bentuk perkataan atau perbuatan atau selaiannya secara bersambung atau terputus dan digunakan juga pada selain mereka secara *muqayyad*.⁴⁴ Bermakna, *al-Mawqūf* pada pandangan al-Nawāwī ialah apa-apa sahaja yang datang daripada *Ṣahābah*. Namun sekiranya ia datang daripada selain *Ṣahābah* akan tetapi disandarkan kepada *Ṣahābah*, maka ia juga dikira *al-Mawqūf*.

Manakala menurut definisi Ibn Ḥajar *al-Mawqūf* ialah apa-apa yang berakhir sanadnya pada *Ṣahābah*.⁴⁵ Dengan ini bermakna, beliau mengkhususkan sandaran bagi *al-Mawqūf* hanya kepada *al-Ṣahābah*.

Berdasarkan pengertian yang diberikan oleh tokoh yang dinyatakan pengkaji berpandangan *al-mawqūf* ialah setiap perkara yang disandarkan kepada *al-Sahābah* meliputi perkataan, perbuatan dan sebagainya sebagaimana yang disebut oleh Ibn Ḥajar. Manakala dari sudut kehujahan pula, kebanyakan ulama berpandangan *al-Mawqūf* tidak boleh dijadikan hujah serta tidak wajib mengikutinya sekalipun kedudukannya sah. Walupun begitu hal demikian berbeza jika ia di dalam kategori *al-Mawqūf lafzan wa al-Marfu' hukman*.⁴⁶

Al-Suyūṭī menerangkan beberapa keadaan yang dikira sebagai *mauqūf* dari sudut lafaz dan *marfū'* dari sudut hukum. Sebagaimana juga pendapat al-Nawāwī⁴⁷. Antara contoh seperti berikut: Al-Ṣahābah berkata: “Kami diperintahkan begini begini”

⁴³ Maḥmūd al-Taḥḥān, *Taisīr al-Mustalah*, hlm. 124.

⁴⁴ Jalāl al-Dīn al-Ṣuyūṭī, *Tadrīb al-Rāwī*, Cet. 1, Beirut, Dār al-Fikr, hlm. 117-122.

⁴⁵ Ibn Hajar, *Nuzḥah al-Nazar*, hlm. 145.

⁴⁶ *Mauqūf lafzan wa al-Marfū' hukman*: yang dimaksudkan ialah *mauqūf* dari sudut lafaz tetapi membawa maksud *marfū'* pada hukum.

⁴⁷ Al-Suyūṭī, *Tadrīb al-Rāwī*, hlm. 117-122

atau “Kami dilarang daripada begini-begini”. Contoh hadith jenis ini ialah kata-kata Abū Sa‘īd r.a., beliau berkata:

"أمرنا أن نقرأ بفاتحة الكتاب وما تيسر"⁴⁸

Maksudnya: “ Kami diperintahkan membaca surah al-Fatihah dan apa-apa yang mudah”

Perkataan (أمرنا) “ kami diperintahkan” daripada Abu Sa‘īd ini menunjukkan bahawa mereka hanya mengikuti suruhan, arahan demikian adalah daripada Nabi s.a.w. Oleh itu kata-kata Abū Sa‘īd ini dinilai *al-Marfū‘ hukman*.

2.2.2. Hadith dari sudut bilangan perawi

Oleh itu para *jumhūr muhadithīn* membahagikan Hadith berdasarkan bilangan perawi kepada dua bahagian iaitu *mutawātir* dan *āḥād*.⁴⁹

2.2.2.1 Hadith *Muta wāṭir*

Hadith *mutawātir* dari sudut bahasa: *al-tatābu’* ialah mengikuti urutan. Manakala dari sudut istilah ialah suatu khabar atau hadith yang disampaikan oleh sekumpulan rawi yang diambil dari sekumpulan rawi lain yang mengikut bilangannya telah sampai kepada peringkat tidak diterima akal yang mereka itu semua berpakat untuk membuat pendustaan terhadap Rasulullah s.a.w. bermula diawal *sanad* mahupun pertengahan hinggalah akhir *sanad*. Ibn Hajar pada ulasan pengertian *al-Mutawātir*: “mustahil pada akal dan adat mereka berpakat melakukan pendustaan”⁵⁰.

⁴⁸ Abū Dāwud, Sunan Abī Dawūd , *Kitāb al-Ṣolah, Bāb Man Taraka al-Qirā’ah fi Ṣolāih*.No.818.

⁴⁹ Muhammad Abu al-Layth, ‘*Ulūm al-Hadīth Aṣīluḥā Wa Mu’āṣiruḥā*, hlm. 127.

⁵⁰ Ahmad Haidar Muhammad al-Ṣadiq , *Al-Manḥāl al-Hadith fī muṣṭalah al-Hadith* . hlm.7.

Para ulama' berbeza pandangan dalam menentukan bilangan bagi menentukan satu-satu Hadith itu *mutawātir* seperti berikut:

- i. Sebahagian ulama berpandangan sekurang-kurangnya dikira *al-tawātur* adalah sejumlah empat orang. Hal ini berpandukan firman Allah s.w.t.:

لَوْلَا جَاءُوا عَلَيْهِ بِأَرْبَعَةٍ شُهَدَاءَ ۖ فَإِذْ لَمْ يَأْتُوا بِالشُّهَدَاءِ فَأُولَٰئِكَ عِنْدَ اللَّهِ هُمُ
الْكَاذِبُونَ .⁵¹

Maksudnya: “sepertunya mereka (yang menuduh) membawa empat orang saksi membuktikan tuduhan itu. oleh kerana mereka tidak mendatangkan empat orang saksi, maka mereka itu pada sisi hukum Allah, adalah orang-orang Yang dusta”.

Mereka berpandukan dalam kes mensabitkan hukuman zina.

- ii. Sebahagian ulama berpendapat hendaklah disabitkan sejumlah lima orang Perawi bagi menentukan *mutawātir* mereka berdalilkan ayat berdasarkan kes *li'an* . firman Allah s.w.t.:

وَالَّذِينَ يَزْمُونَ أَرْوَاحَهُمْ وَلَمْ يَكُنْ لَهُمْ شُهَدَاءُ إِلَّا أَنْفُسُهُمْ فَشَهَدَةُ أَحَدِهِمْ أَرْبَعُ
شَهَدَاتٍ بِاللَّهِ إِنَّهُ لَمِنَ الصَّادِقِينَ ﴿٦١﴾ وَالْخَمِيسَةُ أَنَّ لَعْنَتَ اللَّهِ عَلَيْهِ إِنْ
كَانَ مِنَ الْكَاذِبِينَ ﴿٦٢﴾ وَيَذَرُوا عَنْهَا الْعَذَابَ أَنْ تَشْهَدَ أَرْبَعُ شَهَدَاتٍ بِاللَّهِ إِنَّهُ
لَمِنَ الْكَاذِبِينَ ﴿٦٣﴾ وَالْخَمِيسَةُ أَنَّ غَضَبَ اللَّهِ عَلَيْهَا إِنْ كَانَ مِنَ الصَّادِقِينَ
⁵²

Maksudnya: “Dan orang-orang Yang menuduh isterinya berzina, sedang mereka tidak ada saksi-saksi (yang mengesahkan tuduhannya itu) hanya dirinya sendiri, maka persaksian (sah pada Syarak) bagi seseorang Yang menuduh itu hendaklah ia bersumpah Dengan nama Allah, empat kali, Bahawa Sesungguhnya ia dari orang-orang Yang benar; - Dan sumpah Yang kelima (hendaklah ia berkata): Bahawa laknat Allah akan menimpa dirinya jika ia dari orang-orang Yang

⁵¹ Sūrah al-Nūr: 13.

⁵² Sūrah al-Nūr: 6-9.